

Kerajaan kaji tindakan terhadap *Harakah*

UM 19 JUN 2003

KUALA LUMPUR 18 Jun — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Kementerian Dalam Negeri (KDN) sedang mengkaji tindakan terhadap lidah rasmi Pas, *Harakah* kerana menyebarkan karikatur yang menghina Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Timbalan Perdana Menteri berkata, walaupun Pemangku Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang mengakui mengenai kesilapan itu, namun ia sudah terlewat.

“Pegawai-pegawai saya akan beri laporan mengenai perkara ini sepenuhnya untuk diambil tindakan,” katanya kepada pemberita selepas melancarkan Esei Patriotik 2003 anjuran Alumni Kelab UMNO Luar Negara di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai pengakuan Abdul Hadi bahawa *Harakah* telah membuat kesilapan dengan menyiarkan karikatur yang menyamakan Dr. Mahathir dengan khinzir.

Menurut Abdullah, jika Pas betul-betul tidak mempunyai niat untuk menghina Perdana Menteri, karikatur penghinaan seumpama itu tidak sepatutnya disiarkan.

Katanya, sidang redaksi akhbar itu dan ketua penerbitannya tentu tahu dan telah meneliti isikandungannya sebelum ia diterbitkan dan dipasarkan.

“Bila you sengaja buat sesuatu, sengaja buat benda itu, sudah fikir hendak masukkan (karikatur) dalam *Harakah*, takkan masa itu tidak rasa tidak boleh buat macam ini,” katanya.

Sebagai sebuah parti yang mendakwa parti Islam dan mengamalkan nilai-nilai Islam, Pas tidak sepatutnya menghina orang lain seperti itu apalagi menyamakan seorang pemimpin beragama Islam dengan haiwan yang jijik dalam agama.

“Tidak patutlah buat macam ini, cakaplah pada redaksi itu, buang (karikatur). Jangan buat macam ini atau sekurang-kurangnya editor *Harakah* yang tengok perkara itu (buang karikatur itu).”

“Kita cakap kita orang Islam, kita parti Islam, cakap nilai-nilai Islam, inilah cara orang Islam buat kerja,” tegas beliau.

Oleh itu, katanya, walaupun Pas mengakui perkara itu dan memohon maaf tetapi ia tidak akan mengubah apa-apa kerana Perdana Menteri telah dihina ekoran tersiaranya karikatur tersebut.

Mengenai dakwaan Abdul Hadi bahawa perkara itu sesuatu yang tidak disengajakan, Abdullah berkata: “Memang disengajakan. Ada pula tersilap. Kalau tidak takkan masuk dalam tu (*Harakah*).”

Ditanya sama ada pengakuan Abdul Hadi itu memadai, beliau berkata, sudah terlambat dan sia-sia kerana ia tidak menghilangkan penghinaan yang telah dibuat.

“Maaf itu kerana hendak menghilangkan tuduhan yang dibuat, kerana hendak mengelak daripada dituduh,” katanya.